


MUHAMMAD UTHMAN  
EL-MUHAMMADY



# MASJID DALAM ISLAM: Sejarah, Peran dan Kedudukan



مجلس ائکام اسلام دان عادۃ استھانتہ ملایو کلانتن

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

# MASJID DALAM ISLAM:

## Sejarah, Peran Dan Kedudukan



Siri Penerbitan Percuma Bil. (67)

# MASJID DALAM ISLAM: Sejarah, Peran Dan Kedudukan

*Oleh:*

**Muhammad Uthman El-Muhammady**

*disunting dan diselenggarakan oleh:*  
**Abdul Razak Mahmud**



**Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan  
2020**

Diterbitkan oleh:  
**Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,**  
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang,  
15200 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel: 09-7481512  
Faks: 09-7485512  
Portal Rasmi: [www.e-maik.my](http://www.e-maik.my)  
Email: [maik@e-maik.my](mailto:maik@e-maik.my)

Cetakan pertama ..... 2020

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan memperbanyak, menerbit atau mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk atau dengan apa cara sekalipun, tanpa izin bertulis daripada Majlis Agama Islam Kelantan dan atau daripada penulisnya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau hanorarium.

ISBN 978-983-2391-44-9

*Reka letak dan reka bentuk kulit oleh:*  
Unit Penerbitan  
**Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan**

*Dicetak oleh:*  
**MOZA IZZ RESOURCES**  
PT 601 (B) TINGKAT ATAS, SEKSYEN 2,  
JALAN NARA, 16800 PASIR PUTEH, KELANTAN  
TEL: 019-2037475  
Email: [mohdzailani299@gmail.com](mailto:mohdzailani299@gmail.com)

## KATA ALU-ALUAN PENERBIT

**S**egala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya buku ***Masjid Dalam Islam: Sejarah, Peran dan Kedudukan*** dapat diterbitkan pada tahun 2020 ini. Buku yang akan disebarluaskan secara percuma oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) diharap dapat memberi manfaat sebaik-baiknya kepada masyarakat.

Buku ini mengandungi beberapa tulisan dan makalah Allahyarham Syeikh Muhammad Uthman El-Muhammady tentang sejarah, peranan dan kedudukan masjid dalam menghadapi zaman baharu dan cabaran semasa, yang pernah disiarkan dalam majalah pengasuh, MAIK.

Sudah kita maklumi bahawa masjid merupakan tempat umat Islam beribadat, namun selain daripada beribadat masjid juga berfungsi sebagai pusat pendidikan dan pusat kegiatan rohaniyyah. Kegiatan-kegiatan rohaniyyah perlu dihidupkan semaksima mungkin dalam masyarakat supaya dengan itu fungsi rohaniyyahnya berlaku dan menimbulkan pengaruhnya yang sangat berkesan dalam menghidupkan kerohanian umat

manusia dan dalam merohanikan masyarakat, apa lagi dalam masa sekarang yang berlaku sangat banyak unsur-unsur ghaflah, kelalaian, yang menarik manusia supaya menjauhkan diri daripada Tuhan dan hidup rohaniah.

Akhirkata, MAIK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan buku ini. Semoga usaha ini diganjari dengan sebaik-baik ganjaran oleh Allah SWT.

Sekian, wassalam.

**HAJI ZULKIFLE BIN AB RAHMAN**  
Timbalan Yang Dipertua  
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

## PRAKATA

الحمد لله القائل في كتابه العزيز:

إِنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تُدْعَوْا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِهِ  
الْقَائِلِ: أَحَبُّ الْبَلَادَ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا وَأَبْغَضُ الْبَلَادَ إِلَى اللَّهِ أَسْوَاقُهَا،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

Buku ini mengandungi sejumlah tiga buah tulisan lepas Syeikh Muhammad Uthman El-Muhammady (Allahyarham) tentang masjid; merangkumi sejarahnya, perannya dan kedudukannya dalam tamaddun umat ini, sejak dahulu hingga sekarang. Turut disentuh ialah perbincangan mengenai keperluan dan perancangan jangka panjang masjid dalam menghadapi zaman baharu dan cabaran semasa.

Aslinya tulisan-tulisan ini ialah makalah-makalah Allahyarham yang pernah tersiar dalam majalah *Pengasuh*, lidah rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) beberapa tahun yang lalu. Kerana nilainya yang sangat bagus dan kandungannya yang perlu disemak semula oleh kita semua, maka saya merasa perlu untuk mengumpulkan tulisan-tulisan ini dalam sebuah buku khusus untuk tatapan masyarakat luas yang tidak sempat membacanya dalam majalah *Pengasuh* (edisi jawi) sebelumnya.

Sambil memohon doa dan mengharapkan keampunan kepada Allahyarham penulisnya, saya sukacita memanjangkan tulisan ini kepada pembaca moden pada hari ini. Semoga bermanfaat!

Terima kasih.

Majlis Agama Islam Kelantan  
17 Februari 2019

Abdul Razak Mahmud



[1]

## Penggunaan Masjid Dalam Sejarah Umat Islam

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
لَا تَقُمْ فِيهِ أَبْدًا مَسْجِدٌ أَسْسَ عَلَى التَّقْوَىٰ  
مِنْ أَوْلَ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ رِجَالٌ يَحْبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا

Memulakan tulisan ini, kita ingin berbicara berkenaan dengan penggunaan masjid-masjid dalam sejarah umat Islam, walaupun tidak secara terperinci.

Selepas Baginda s.a.w. menunaikan tugasnya berhijrah sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah, Baginda membina sebuah masjid bila sampai di Quba' dan inilah bangunan masjid yang pertama sekali dibina dalam Islam. Bila Baginda kemudiannya sampai ke Madinah, Baginda membina pula masjidnya di Madinah. Dalam hubungan dengan masjid inilah maka turunnya ayat 108 surah at-Taubah;

لَمَسْجِدٌ أَسْسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوْلِ يَوْمٍ أَحَقُّ  
أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ يَحْبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا

Yang bermaksud: *Lebih patut engkau sembahyang di dalam masjid yang sejak hari mulanya diasaskan di atas ketakwaan; di dalamnya ada orang-orang yang ingin membersihkan diri mereka* (lihat **Sirah Ibn Hisyam** dan **al-Tarikh al-Tabari**. Bandingkan dengan **Sejarah Pendidikan Islam**, terjemahan Indonesia dari karangan Ahmad Syalabi hal. 74). Di dalam masjid itu diadakan halaqah tarbiyah Islamiyyah sebagaimana juga Baginda s.a.w. menjadikan masjidnya di Madinah sebagai pusat keagamaan dan rohaniyyah.

Jelas dari mulanya lagi bahawa masjid adalah pusat ibadat, pusat pengajian Qur'an dan Sunnah, serta juga ianya adalah pusat tempat faqih mengajar hukum-hukum Islam, bahkan di masjid juga diputuskan kes-kes perselisihan dan persengketaan sehingga seolah-olah boleh dikatakan bahawa masjid itu adalah mahkamah.

Pada masa kemudiannya Sayidina Abu Bakar r.a. menerima bai'ah daripada kaum Muslimin sewaktu beliau ditugaskan memegang jawatan Khalifah; di masjid juga khalifah-khalifah yang kemudian daripadanya memberi pengajaran kepada umat Islam; di masjid juga Khalifah Uthman bin Affan r.a. memberi penerangan kepada rakyatnya berkenaan dengan kedudukannya yang sebenar dalam hubungan dengan tuduhan palsu yang dilemparkan terhadapnya oleh musuh-musuh negara Islam.

Pada masa Khalifah Umar bin al-Khattab r.a. memegang teraju pemerintahan Islam, beliau menghantar arahan kepada Abu Musa al-'Asy'ari r.a. yang bertugas sebagai pemimpin di dalam wilayahnya supaya membina masjid, supaya orang-orang Basrah boleh menunaikan sembahyang Juma'at dan Jama'ah; selain daripada itu tiap-tiap suku ditugaskan untuk membina masjid-

masjid untuk dijadikan sebagai pusat ibadat dan rohaniyah serta pendidikan bagi penduduknya. Pada hari Juma'at mereka berhimpun untuk menunaikan sembahyang Juma'at mereka. Surat yang demikian juga dihantar kepada Sa'ad bin Abi Waqash r.a. yang menjadi Gabenor Kufah. Demikian juga arahan-arahan dihantar kepada Gabenor Mesir supaya ia mengambil tindakan yang sama.

Pada masa yang berkenaan ini jelas masjid berfungsi sebagai pusat ibadat, pendidikan, mahkamah Qadhi, serta pusat kegiatan sosial lainnya mengikut apa yang dikehendaki oleh Syari'ah Islamiyyah.

Mungkin bermanfaat kalau kita mengambil contoh beberapa buah masjid yang besar dalam sejarah Islam untuk membuktikan bagaimana masyarakat Islam di mana-mana dipengaruhi dan dibentuk oleh kegiatan-kegiatan di dalam masjid-masjid. Ini adalah selain daripada kita mengingati peranan yang dimainkan oleh Masjid Nabawi di Madinah al-Munawwarah (lihat *Sirah Ibn Hisyam*).

### **Masjid Jame' Damsyik**

Masjid ini takdirnya merupakan satu daripada bangunan-bangunan yang sangat terkenal dalam sejarah Islam. Pembinaannya dijayakan oleh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, dan pembinaannya mengambil masa selama lapan tahun. Masjid itu kemudiannya menjadi satu daripada pusat-pusat rohaniyah dan keilmuan yang sangat-sangat dihormati dalam sejarah Islam, selain daripada ianya digunakan sebagai pusat tempat sembahyang jama'ah dan Juma'at, ia juga digunakan sebagai pusat pendidikan.

Dalam hubungan dengan pendidikan kita dapati catatan-catatan daripada Ibn Jubair di dalam rihlahnya, bertarikh 283H, bahawa di dalamnya ada halaqah-halaqah pelajaran untuk murid; guru-guru yang mengajar di dalam halaqah itu mendapat gaji yang lumayan. Ada sebuah penjuru [di dalam masjid itu] yang terletak di bahagian sebelah barat, menjadi tempat belajar bagi penganut-penganut Mazhab Maliki. Di penjuru inilah berhimpun para pelajar yang datang dari negeri Maghribi. Mereka ini mendapat gaji yang telah ditentukan. Kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan oleh orang-orang asing dan para pelajar dalam masjid ini adalah banyak dan mencukupi. Yang paling menghairankan, yang boleh dikhabarkan berkenaan dengan masjid ini ialah, bagaimana adanya sebatang tiang di dalam masjid itu yang terletak antara *maqsurat* yang lama dengan yang baru. Ada harta waqaf yang ditetapkan bagi sesiapa yang bersandar padanya untuk memberi pelajaran atau untuk ibadat. Pada tiang itu kami lihat seorang faqih dari Seville bernama al-Muradi. Pada waktu pagi, selepas berakhirnya majlis membaca setengah daripada al-Quran, maka setiap orang akan bersandar pada sebatang tiang, dan di hadapannya ada seorang kanak-kanak yang diajarkan Quran kepadanya. Kanak-kanak lelaki itu juga ada mendapat gaji yang tetap kerana pembacaan Qurannya. Tetapi mereka yang ibubapanya berada, ditegah oleh ibubapa mereka daripada menerima pembayaran itu walaupun yang lain menerimanya.

Di sebelah kanan orang yang keluar dari Bab al-Barid, ada sebuah pusat pengajian bagi para penganut Mazhab Syafi'e dan di tengahnya ada sebuah kolam air yang airnya mengalir. Di situ juga ada tempat mengambil wuduk (*sumber sama seperti 282*). Di masjid itu ada beberapa penjuru yang digunakan oleh para pelajar sebagai tempat untuk menyalin pelajaran dan juga untuk mereka belajar, bagi mengelak diri daripada gangguan

orang ramai. Penganjur-penganjur yang sedemikian itu adalah setengah daripada kelengkapan-kelengkapan istimewa yang diperlukan oleh para pelajar dalam masjid itu.

Dalam masjid itu ada sebuah halaqah pengajian yang besar yang dipimpin sendiri oleh al-Khatib al-Baghdadi pada tahun 456H. Tiap-tiap pagi, ramai mereka yang berhimpun dalam halaqah itu untuk mendapat pelajaran dalam ilmu hadith daripada al-Khatib al-Baghdadi (r.a.) (lihat Yaqut, *Mu'jam al-Buldan*; Ahmad Syalabi, *Sejarah Pendidikan Islam*, terjemahan Indonesia hal.79).

Jelas terbukti bahawa masjid itu digunakan sebagai pusat kegiatan rohaniyah dan keilmuan Islam; ini adalah selain daripada kegiatan-kegiatan yang lain yang biasa dijalankan sesuai dengan kehendak-kehendak dan tuntutan-tuntutan Syari'ah Islamiyyah dan Sunnah Nabawiyyah.

Cawangan-cawangan ilmu pengetahuan lain yang disampaikan dalam masjid itu termasuk juga ilmu-ilmu seperti bahasa, kesusteraan Arab, ilmu Falak dan ilmu Hisab (lihat Muhammad 'Atiyyah al-Abrasyi, *al-Tarbiyah al-Islamiyah*). Dengan berlalunya edaran zaman, maka bilangan masjid-masjid bertambah. Dalam abad ke-3H, Baghdad penuh dengan masjid-masjid sehingga al-Ya'qubi menyatakan bahawa di sana ada 30,000 masjid pada zamannya (*Kitab al-Buldan* 250; Syalabi, *sumber yang telah tersebut*, hal.75).

### **Masjid al-Mansur**

Antara masjid-masjid di Baghdad yang terpenting ialah Masjid al-Mansur yang dibina oleh Khalifah al-Mansur pada tahun 145H, iaitu sewaktu diletakkan asas pembinaan kota Baghdad. Pada

zaman Harun al-Rasyid (r.a.), masjid itu diperbaharui; selepas zamannya masjid itu diperluaskan dan diperbaiki lagi (al-Khatib al-Baghdadi, *Tarikh Baghdad*, jilid I, hal. 180).

Jame' al-Mansur adalah sedemikian terkenal sebagai pusat kerohanian dan keilmuan sehingga al-Khatib al-Baghdadi (r.a.) menyatakan bahawa bila beliau menuaikan fardu hajinya di Makkah, dan meminum air zamzam, beliau berdoa kepada Allah agar ianya dikurniakan peluang untuk mengajar ilmu dalam Jame' al-Mansur dalam bidang ilmu hadith (Yaqut, *Mu'jam al-'Arba'*, hal. 246-247).

Dalam masjid itu, selain daripada ilmu-ilmu agama diajarkan juga ilmu-ilmu yang lain yang semuanya diulas mengikut konsep ilmu dalam Islam. Berkenaan dengan hal ini ada kisah berhubung dengan al-Kasa'i. Dikisahkan oleh Yaqut, dari al-Afkhas, katanya bahawa semasa beliau pergi menuaikan sembahyang di masjid, beliau menghadiri suatu halaqah pengajian selepas sembahyang. Ramai mereka yang mengelilingi guru yang memberi pengajaran itu iaitu al-Kasa'i, antara mereka yang hadir ialah al-Farra', al-Amr dan Ibn Sa'dan. Waktu itu beliau menjadi guru bahasa Arab di sana (Ahmad Amin, *Dhoha al-Islam*, hal.53).

Dalam masjid ini juga Abu al-'Atahiyah menggubah sya'ir-sya'irnya; ada terdapat suatu kisah bagaimana seorang syeikh dari Kufah datang ke masjid itu; kemudian didapati olehnya seorang Syeikh sedang merencanakan sya'irnya sambil bercucuran airmatanya; bila syeikh itu pergi masuk ke dalam halaqah itu, didapatinya orang itu ialah Abu al-'Athahiyah yang terkenal itu.

Berhubung dengan Masjid al-Mansur itu perlu ditegaskan bahawa ianya adalah pusat yang terkenal bagi pengajian hadith.

Mereka yang meriwayatkan hadith di sana terpaksa menghadapi cabaran dari pihak pendengarnya yang ahli dalam bidang ini. Selain daripada ilmu hadith, ilmu fiqh juga diajarkan di sana. Adalah jelas nampaknya bahawa 50 halaqah yang dilihat oleh Imam Syafi'e (r.a.) dalam masjid itu adalah halaqah-halaqah untuk pengajian fiqh. Imam ini memulakan halaqahnya di sana, dan akhirnya semua halaqah-halaqah lain hilang. Yang tinggal hanya satu halaqah sahaja (*Tarikh Baghdad*, hal. 68 ).

Selain daripada ilmu fiqh, ilmu qira'at juga diajarkan dalam masjid ini. Demikian juga masjid ini digunakan sebagai mahkamah oleh seorang Qadhi al-Qudhat, sebagaimana yang dicatatkan oleh pengarang *Tarikh Baghdad* (lihat Muniruddin Ahmad, *Muslim Education*, hal. 119).

Selain daripada masjid ini banyak lagi masjid-masjid lain yang membuktikan penggunaan masjid-masjid sebagaimana yang diharuskan oleh Syari'at (lihat buku Munirudin Ahmad, *sumber sama* di atas, hal. 120-134).

### **Masjid-masjid di Mesir**

Masjid Jame' yang mula-mula dibina di Mesir ialah Masjid 'Amru ibn al-'Ash r.a. yang sampai sekarang dipanggil mengikut nama sahabat yang mulia itu. Masjid ini dibina oleh sahabat besar itu selepas ia menakluki negeri Mesir. Kemudian Masjid al-'Askar, dibina oleh Abu Ismail; pada tahun 265H dibinakan Masjid Ahmad ibn Thulun; di sanalah didirikan sembahyang Juma'at. Pada tahun 360H. Jauhar al-Katib al-Shiqilli mendirikan Jame' al-Azhar, mulai pada waktu itu maka Jame' al-Azhar menjadi sebuah pusat keilmuan Islam yang sangat-sangat terkenal sehingga sekarang. Kemudian ada beberapa buah masjid lagi, dan seterusnya terbina lagi masjid-masjid Jame' di Mesir pada

zaman pemerintahan Ayyubiyyin. Selain daripada masjid Jame', ada banyak masjid-masjid lain untuk sembahyang lima waktu; sebagai misalan boleh disebutkan bahawa di Iskandariah terdapat sangat banyak masjid sehingga bilangannya mencapai angka 12,000 (dua belas ribu buah) sebagaimana yang dicatatkan oleh Ibn Jubair (r.a.) di dalam rihlahnya.

### **Jame' Amru Ibn al-'Ash**

Masjid ini digunakan sebagai masjid untuk menunaikan sembahyang Juma'at dan sembahyang lima waktu; ia juga digunakan sebagai mahkamah oleh pihak yang berwenang dan juga sebagai pusat pengajian. Muhammad bin Abdul Rahman al-Hanafi pernah melihat ada sebanyak 40 halaqah pengajian, bahkan lebih daripada itu, di dalam masjid ini. Di dalamnya ada terdapat lapan penjuru yang maklumat-maklumat berkenaan dengannya ada disebut oleh al-Maqrizi (r.a.) di dalam bukunya yang terkenal itu.

Antara penjuru-penjuru itu ialah:

**Penjuru Imam Syafi'e** - Di penjuru ini Imam Syafi'e (r.a.) pernah memberikan pengajarannya dalam bidang hukum. Penjuru ini mempunyai harta waqaf yang diberikan oleh Sultan al-Malik al-Aziz bin Salahudin rahmatul'Lahalaihima al-salam. Sehingga ke zaman al-Maqrizi, penjuru ini tetap diduduki oleh ulama' yang ternama.

**Penjuru Majdiyah** – Penjuru ini ditadbirkan oleh Majduddin Abu al-'Isybil, wazir kepada al-Malik al-'Asyraf. Yang mengajar di penjuru ini ialah Qadhi al-Qudhat Abdul Wahab al-Barnasi. Penjuru ini ada harta waqafnya di seluruh Qaherah dan negeri Mesir.

**Penjuru al-Shahabiyyah** – penjuru ini ditadbirkan oleh al-Shahib Muhammad ibn Fakhruddin; di sini ditetapkan dua orang guru yang mengajar, seorang bermazhab Syafi'e dan seorang lagi bermazhab Maliki. Ada harta waqaf yang dikhaskan untuk penjuru ini di luar daripada Qaherah.

Bila Imam Muhammad ibn Jarir al-Tabari (r.a.) berkunjung ke sana, keahliannya di dalam ilmu-ilmu Islamiyah tentang Quran, hadith, fiqh, lughah dan sastera terbukti. Di sini beliau ditemui oleh Abu al-Hasan al-Sarraj untuk menjayakan muzakarah ilmu. Oleh kerana keahliannya dalam persajakan juga terbukti, maka beliau duduk di masjid itu buat beberapa waktu untuk merencanakan *sya'ir-sya'ir* ترماح (Ahmad Amin, dalam *sumber tersebut di atas*; hal.53, Ahmad Syalabi, *sumber sama di atas*; al-Abrasyi, *sumber sama*).

Sudah tentu Masjid al-Azhar mesti dibicarakan sebagai pusat pengetahuan Islam yang mesti diakui sampai sekarang. Tapi rasanya tidak perlu kita berpanjang lebar dalam hal ini oleh kerana maksud kita boleh dicapai melalui kita mengingati pengalaman-pengalaman daripada apa yang berlaku di masjid-masjid yang sudah diterangkan. Hanya bolehlah kita sebutkan di sini bahawa dalam sejarahnya, al-Azhar banyak mengalami perubahan-perubahan, dan di dalam perubahan-perubahan itu banyak didapati bukti-bukti yang menunjukkan bahawa sistem pengajian di masjid al-Azhar sedang mengalami zaman keruntuhan. Apa yang tinggal ialah sistem yang dikenali sekarang ini, yang umum diketahui oleh kita sekarang, terutama oleh saudara-saudara yang mengenali pusat pendidikan ini dari dekat (lihat *Encyclopedia of Islam*, artikel "al-Azhar" naskhah bahasa Inggeris).

Pada tahap ini kita boleh merenung kembali secara ringkas bagaimana masjid memainkan peranannya yang sangat besar dalam pembentukan manusia muslimin dan masyarakatnya, malah peradaban Islam itu sendiri. Dari renungan sejarah jelas kelihatan jasa-jasa itu ialah:

- \* Bagaimana pandangan hidup muslimin di seluruh dunia ini dibentuk dan dikembangkan dalam masjid-masjid [selain daripada madrasah-madrasah yang timbul kemudian], sehingga tertanamnya aqidah itu dalam hati manusia; dan aqidah inilah yang memberikan arah, harga dan nilai serta makna kepada hidup manusia di muka bumi ini.
- \* Bagaimana hidup rohaniyah dipupuk dalam masjid-masjid selama empat belas abad lamanya dan hidup rohaniyah itu melimpah keluar ke dalam masyarakat dan terus ke dalam hidup peradaban Islam itu sendiri seperti sungai yang mengairi kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya. Hidup rohaniyah inilah, yang berindukkan sembahyang jama'ah dan amalan-amalan lain dalam rukun Islam, disertai dengan yang sunat-sunatnya, memberikan kepuasan rohaniyah kepada manusia yang dijadikan sebagai hamba Allah dan khalifahnya di muka bumi ini; boleh dikatakan seolah-olah iklim rohaniyah yang terdapat di merata-rata pelosok alam Islami adalah iklim yang terhembus keluar daripada masjid-masjid (boleh diingatkan bahawa dari Masjid Jame' Damsyik keluarnya kesedaran rohaniyah yang mendalam yang menyebabkan timbulnya peribadi dan rohaniyah Imam al-Ghazali (r.a.) yang sampai sekarang menjadi pemimpin kepada manusia moden yang hanyut dalam kejahilan dalam tasik ilmunya yang luas tanpa kelihatan tepinya itu).

- \* Bagaimana kesedaran moral dan akhlak yang tinggi dipancarkan keluar daripada masjid-masjid – mulai daripada masjid yang pertama di Madinah – sehingga dengan itu maka peradaban Islam dan umat Islam itu sendiri mengenali apa itu *makarim al-akhlak*. Sekian lamanya masjid menjadi benteng tempat pertahanan akhlak dan moral Islamiyah. Selama perhubungan antara manusia dan masjid adalah sewajarnya, maka selama itu masalah tidak timbul dalam peradaban Islam berhubung dengan ini.
- \* Bagaimana hukum Islam yang berpuncakan al-Quran dan al-Sunnah dan sebagaimana yang dihuraikan dan disusunkan dengan rapi oleh ulama' yang berwenang disebarluaskan ke dalam masyarakat Islam, dan bagaimana orang-orang Islam sendiri menjalankan kehidupan mereka dalam segala bidang dan urusan mengikut hukum itu. Di masjid-masjid ini hukum Islam diajarkan, dan di dalamnya juga kes-kes hukum Islam diselesaikan. Di sana manusia menyembah Allah, di sana juga mereka memutuskan kes-kes berkenaan dengan hukumnya. Ringkasnya masyarakat Islam adalah berindukkan masjid; ianya dididik di dalam pangkuan masjid yang terbina di mana-mana dalam alam Islami; masjid-masjid menjalar ke seluruh bahagian jasad alam Islami sebagaimana urat-urat darah dan saraf yang menghayati jasad mengalir ke seluruh jasad itu.
- \* Bagaimana perkembangan ilmu-ilmu dibentuk oleh konsep dan orientasi ilmu-ilmu yang dihurai dalam masjid-masjid (selain daripada apa yang ada dalam madrasah-madrasah); oleh kerana itu tidak timbul kecenderungan-kecenderungan sekular dalam perkembangan ilmu dalam peradaban Islam.

- \* Jelas dalam sejarah peradaban kita bagaimana terdapat perhubungan yang erat antara "kesihatan" kegiatan-kegiatan dalam masjid dengan "kesihatan" masyarakat yang di luarnya (ini disebutkan dengan menyedari juga ada hal-hal dan faktor-faktor lain yang perlu diperhatikan selain daripada masalah penghayatan masjid semata-mata).

\*\*\*\*

Dalam hubungan dengan usaha membawa masyarakat kembali ke pangkuan masjid ini, nampaknya jelas kita menghadapi masalah-masalah; antara yang banyak itu mungkin ada beberapa masalah yang boleh kita cuba renungkan bersama dan kita cuba carikan penyelesaian-penyelesaiannya berdasar kepada roh al-syura yang dituntut oleh Syari'ah ke atas kita.

Antara masalah-masalah itu ialah:

- \* Bagaimana kurangnya bilangan manusia yang mengimarahkan masjid di kalangan kita, misalnya untuk menunaikan kewajipan sembahyang berjama'ah. Kewajipan itu dianggap sedemikian remeh, walhal dalam ajaran Syari'ah, keuzuran untuk seseorang itu dimaafkan dari menunaikan sembahyang berjama'ah adalah sama jenisnya dengan keuzuran untuk menunaikan sembahyang Jumu'at.
- \* Bagaimana berkurangnya bilangan muslimin menghadiri majlis-majlis ilmu dalam masjid-masjid; keadaan menunjukkan seolah-olah ada anggapan bahawa majlis-majlis ilmu dalam masjid-masjid adalah majlis-majlis yang tidak sedemikian mutunya berbanding dengan majlis-majlis ilmu di tempat-tempat lain.

- \* Bagaimana tidak tersusunnya majlis-majlis ilmu dalam masjid; keadaan sedemikian menunjukkan bahawa majlis-majlis ilmu itu diadakan sekadar untuk diadakan begitu sahaja, tanpa mempunyai latar belakang sikap dan tindakan yang sungguh-sungguh.
- \* Bagaimana kurangnya majlis-majlis pengajaran dan nasihat-nasihat (*al-Wa'z*) dalam masjid-masjid berbanding dengan apa yang didapati dari maklumat-maklumat sejarah berkenaan dengan majlis-majlis seperti itu dalam tamadun Islam.
- \* Bagaimana kurangnya masa yang di dalamnya masjid-masjid dimanfa'tkan oleh muslimin untuk diri dan agama mereka. Masjid-masjid (dan bangunan-bangunan yang sejenis dengannya) adalah merupakan bangunan-bangunan yang paling kurang digunakan, walhal bangunan-bangunan itu adalah antara yang termahal ongkos pembinaannya.
- \* Bagaimana tidak kelihatannya pengaruh masjid dalam kehidupan kemasyarakatan di kalangan kita sekarang, atau kalau ada pun itu adalah pada paras minima sahaja. Sebaliknya pengaruh dari luar masjid dimasukkan ke dalam masjid-masjid – suatu perkara yang terbalik. Antara contohnya yang boleh disebutkan ialah konflik politik secara berparti (*siasah hizbiyah*) dimasukkan ke dalam masjid-masjid sehingga fungsi masjid-masjid itu menjadi terganggu.
- \* Bagaimana perlunya ditingkatkan kelincinan dalam pentadbiran masjid-masjid, iaitu kelincinan yang membantu dalam menyampaikan suara dakwah Islamiyah yang sebenarnya kepada masyarakat umum – dan bukan sebaliknya.

- \* Bagaimana perlunya dijayakan kerjasama yang berkesan antara beberapa pihak, demi menjadikan usaha mengimarahkan masjid dalam masyarakat Islam, baik dari pihak rakyat maupun dari pihak rasmi. Kerjasama sepenuhnya perlu didapati di kalangan ulama' yang memang boleh memainkan peranan yang besar dalam usaha mengimarahkan masjid-masjid ini.

Antara langkah-langkah yang perlu diambil dalam hubungan dengan masalah-masalah di atas ialah:

- \* Hendaklah keputusan dibuat supaya kedudukan masjid yang sebenarnya disebarluaskan kepada masyarakat Islam, agar dengan itu timbul kesedaran yang dikehendaki dengan izin Allah.
- \* Hendaklah langkah-langkah diambil untuk menyeru masyarakat supaya mereka mengambil berat tentang tugas menunaikan sembahyang berjama'ah, baik dalam pusat-pusat pengajian dan juga dalam masyarakat serta kawasan-kawasan lainnya, di samping hendaklah seruan itu disertai dengan amalannya. Janganlah misalnya pihak pendakwah-pendakwah menyeru masyarakat kepada masjid-masjid, tetapi mereka yang menyeru itu sendiri sedemikian renggang dengan masjid-masjid.
- \* Hendaklah sistem pendidikan Islam di masjid-masjid dihidupkan semula dengan sebaik-baiknya, baik untuk umum, kanak-kanak dan juga wanita. Mungkin untuk kanak-kanak diperlukan langkah-langkah yang berbeza sedikit, oleh kerana kedudukan mereka dalam hubungan dengan masjid-masjid; kecuali kanak-kanak yang sudah besar dan tahu tanggungjawabnya. Ini misalnya memerlukan guru-guru yang

mahir dan berwibawa, penyusunan kumpulan kanak-kanak, kitab-kitab yang sesuai yang perlu dibaca dan seterusnya. Hendaklah ini dipandang sebagai satu tugas yang berat oleh masyarakat Islam.

- \* Juga hendaklah diusahakan supaya sikap masyarakat terhadap pendidikan Islam di masjid-masjid menjadi berubah dan positif, sehingga pendidikan di masjid-masjid itu dihormati serta diberi sokongan moral dan material.
- \* Hendaklah diseru masyarakat supaya menggunakan masjid seboleh-bolehnya untuk pelbagai kegiatan mereka, misalnya untuk mengadakan majlis-majlis pengajaran, perhimpunan-perhimpunan yang diharuskan oleh Syari'ah, termasuk majlis akad nikah.
- \* Pentadbiran masjid hendaklah di semak semula supaya diperlincinkan lagi perjalanan pentadbirannya.
- \* Hendaklah sekatan-sekatan dari pihak yang berkuasa ke atas pendakwah ditiadakan, kecuali bila didapati bukti jelas menunjukkan pihak pendakwah yang berkenaan itu membawa faham atau aliran yang terkeluar daripada golongan Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah atau mana-mana imam yang diakui.
- \* Hendaklah diwujudkan kerjasama yang menguntungkan dakwah Islamiyah antara semua pihak: pihak pentadbiran, rakyat, para ulama' serta para pendakwah.
- \* Hendaklah konflik politik kepartian (siasah hizbiyah) – yang ada ciri-ciri yang berbeza dari Siasah Nabawiyah – jangan dibawa masuk ke dalam majlis-majlis ilmu dan muzakarah dalam masjid-masjid.

- \* Hendaklah adab-adab dan tata tertib dari sunnah Rasulullah s.a.w. dalam hubungan dengan penggunaan masjid-masjid disebarluaskan kepada rakyat supaya dengan ini maka masjid-masjid menjadi terjaga kehormatannya sebagai "rumah-rumah Allah".

\*\*\*\*

**Kesimpulan:** Sebagai kesimpulan bolehlah dikatakan bahawa masjid-masjid sebagai "rumah Allah" adalah binaan-binaan suci yang sedemikian penting kedudukannya dalam Islam, baik dari segi hakikinya, sejarahnya maupun amalannya. Ianya merupakan bangunan di mana si muslim sujud kepada TuhanYa dan juga di mana ia mempelajari hukum TuhanYa serta mengamalkan hukum TuhanYa. Masjid adalah pengasuh si Muslim, keluarganya dan masyarakatnya. Seluruh hidup si Muslim itu sepatutnya dilaksanakan dalam iklim yang terbentuk hasil daripada pengaruh amalan-amalan masjid. Fungsi masjid yang sedemikian besar dan tinggi ini mestilah dihidupkan semula demi keselamatan manusia Muslimin di dunia ini dan juga demi kejayaan hidup Islamiyah itu sendiri. Dan hendaklah kita mulakan langkah itu daripada titik di mana kita berada sekarang, dan sudah tentu, hendaklah kita mulai dengan diri kita sendiri dahulu . Wal 'Lahua'alam.

## [ 2 ]

### Peran dan Kepentingan Masjid

Bila kita berbicara berkenaan dengan masjid maka bererti kita berbicara berkenaan dengan punca tempat terbitnya kehidupan yang terbentuk mengikut acuan llahi; bererti kita berbicara berkenaan dengan pengekalan hayat Islamiyah dalam ertikata semua kegiatan si Muslim adalah bermula dari sana, baik aktiviti yang menyentuh kepentingan rohaniyahnya maupun kebendaannya; bererti kita berbicara berkenaan dengan “hati” masyarakat Muslimin, sebagaimana juga – dari segi-segi tertentu – Ka’bah dan Masjid al-Haram adalah merupakan jantung hati bagi alam Islami. Maka sebagaimana kesihatan alam Islami adalah terletak di atas bagaimana mereka memanfa’atkan diri daripada kegiatan rohaniyah berhubung dengan Masjid al-Haram dan Ka’bah, terutama dengan ibadat hajinya, maka demikian juga kesihatan masyarakat Muslimin adalah sangat tergantung kepada bagaimana mereka memanfa’atkan masjid sebagaimana yang diajarkan oleh Baginda s.a.w. Maka dalam catatan-catatan berikutnya – Insha Al’Lah – akan disebutkan, walaupun bukan secara terperinci, kepentingan masjid dalam hayat Islamiyah, bagaimana peranannya dalam sejarah yang lampau, dan bagaimana pula peranan itu perlu dihidupkan semula, juga bagaimana kita menyelesaikan beberapa masalah yang timbul

dalam mana-mana usaha untuk menjayakan "imarah" masjid sebagaimana yang dikehendaki.

\*\*\*\*\*

### Kepentingan Masjid

Bila berbicara berkenaan dengan kepentingan masjid dalam cara hidup Islamiyah, maka antaranya kita teringat kepada firman Allah Ta'ala:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمَ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكُوْةَ  
وَلَمْ تَخْشَ إِلَّا اللَّهَ

Yang bermaksud: *Hanyalah orang-orang yang mengimarahkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada sesiapa pun) selain kepada Allah (al-Taubah: 9, ayat 18).*

Dalam *Tafsir al-Baidhawi* (hal.141) "imarah" itu disebutkan sebagai bermaksud membinanya dengan harta yang halal, mendirikan sembahyang di dalamnya, dan juga melakukan amalan-amalan masjid yang lain lagi. Dalam *Tafsir al-Baidhawi* (hal. 341) disebutkan bahawa mengimarahkan masjid itu bererti melakukan usaha seperti menghiaskannya dengan hamparan, menyalakan lampu-lampunya, melakukan ibadat-ibadat, zikir Allah dan juga melaksanakan pengajian ilmu-ilmu di dalamnya. Termasuk ke dalam pengertian itu juga ialah menjaga masjid itu daripada apa-apa yang tidak menjadi tujuan

bagi pembinaannya. Dalam hubungan dengan ini disebutkan hadith Nabi s.a.w. yang bermaksud: Allah Taala berfirman: *Sesungguhnya rumah-rumahKu ialah masjid-masjid, dan para hambaKu yang melawatKu di dalamnya ialah mereka yang mengimarahkannya. Alangkah baiknya si Hamba yang bersuci di dalam rumahnya, kemudian ia datang melawatKu di dalam rumahKu, maka menjadi tanggungjawab ke atas yang dikunjungi itu untuk memuliakan pelawatnya.*

### Membina Masjid

Teringat juga kita kepada hadith riwayat Abu Hurairah r.a., katanya bahawa Baginda s.a.w. bersabda:

أَحَبُّ الْبَلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا وَأَبْغَضُ  
الْبَلَادِ إِلَى اللَّهِ أَسْوَاقُهَا

Yang bermaksud: *Tempat yang paling dikasihi oleh Allah di bumi ialah masjid-masjid, dan tempat yang paling dibenci oleh Allah di bumi ialah pasar-pasarnya.*

(riwayat Muslim, lihat *al-Misykat*  
*Bab al-Masajid*, *Kitab al-Shalat*).

Baginda s.a.w. juga ada bersabda, riwayat daripada Uthman r.a.:

مَنْ بَنَى لِلَّهِ مَسْجِداً بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتاً فِي الْجَنَّةِ

Yang bermaksud: *Sesiapa yang membina sebuah masjid kerana Allah, maka Allah membina untuknya sebuah istana di syurga*

(riwayat Bukhari Muslim. Lihat  
*al-Misykat*, *Kitab al-Shalat*).

Kita boleh menyebut lagi sebuah hadith Nabi s.a.w. berkenaan dengan kepentingan masjid-masjid ini, iaitu hadith al-Sab'ah, riwayat daripada Abi Hurairah r.a., katanya bahawa Baginda bersabda:

سبعة يظلهم الله في ظله يوم لا ظل الا ظله امام عادل  
وشاب في عبادة الله عز وجل ورجل قلبه يعلق بالمسجد  
اذا خرج منه حتى يعود اليه ورجلان تحابا في الله اجتمعوا  
عليه وافترقا عليه ورجل ذكر الله حاليا ففاضت عيناه  
ورجل دعته امرأة ذات حسب وجمال فقال إني أخاف  
الله ورجل تصدق بصدقه فأخفاها حتى لاتعلم شماليه  
ما تنفق يمينه

Yang bermaksud: *Tujuh orang akan diberikan lindungan oleh Allah di bawah bayangan ('arashNya) pada hari yang tidak ada naungan selain daripada naunganNya: Imam yang adil, pemuda yang besar dalam ibadah kepada Allah azawajalla, seorang lelaki yang hatinya terikat kepada masjid bila ia keluar daripadanya sehingga ia masuk kembali ke dalamnya, dua orang lelaki yang bersahabat pada jalan Allah; keduanya bertemu dengan urusan itu dan mereka bercerai pun dengan urusan itu juga, seorang lelaki yang menyebut dan mengingati nama Allah seorang diri dan keluar air matanya (kerana kesedaran rohaniyah yang murni), dan seorang lelaki yang diseru oleh wanita bangsawan yang sangat cantik (untuk melakukan maksiat walhal tidak ada halangan) tetapi lelaki itu berkata: "Sesungguhnya aku takut kepada Allah" dan seorang lelaki yang (ikhlas) memberi sedekah akan sesuatu dan ia menyembunyikan sedekahnya itu sehingga*

*(seolah-olah) tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diberikan oleh tangan kanannya.*

(Hadith Bukhari – Muslim,  
lihat *al-Misykat*, Kitab al-Shalat, Bab al-Masjid).

### Dari segi rohaniyyah

Berhubungan dengan kedudukan masjid-masjid dari segi rohaniyyah dan ibadah, yang dilakukan di dalamnya, ramai para ulama' dan hukuma' Islam yang membuat ulasan, dan antara ulasan-ulasan yang sangat terang dan tepat itu ialah yang datang dari pena ulama' dan ahli hikmah yang terkenal, iaitu Shah Waliyul'Lah al-Dehlawi, katanya: (di dalam *Hajatullah al-Balighah* hal. 467-468):

"Ketahuilah bahawa untuk menyelamatkan manusia daripada kesan-kesan buruk daripada adat istiadat atau kebiasaan hidup mereka sendiri, maka tidak ada suatu perkara pun yang lebih bermanfa'at daripada langkah menjadikan satu daripada amalan-amalan keagamaan sebagai suatu amalan yang sedemikian umum pelaksanaannya, sehingga dengan itu maka amalan itu ditunaikan oleh setiap orang yang terkemuka, dan dalam melakukannya orang yang diam di luar kota atau di dalam kota menjadi sama sahaja; keadaan adalah sedemikian sehingga ada sifat berlumba-lumba dan saling berbangga-bangga dalam melakukannya. Ianya sedemikian merata dilaksanakan sehingga termasuk ke dalam perkara yang asasi dalam kehidupan kemasyarakatan itu sendiri, iaitu sesuatu yang tidak boleh ditinggalkan oleh ahli masyarakat itu. Bila ini berjaya maka ianya akan membantu dalam menegakkan ibadah kepada Allah dan itu menjadi ganti kepada sesuatu yang ditakuti, yang menarik

manusia daripada kebenaran. Maka oleh kerana tidak ada sesuatu amalan ta'at yang lebih penting dan agung serta kuat sandarannya daripada sembahyang, maka wajiblah ianya disebarluaskan dalam kalangan masyarakat, dan hendaklah semua manusia bermuafakat dalam pelaksanaannya.

Selain daripada itu, dalam masyarakat (al-millah) ada terdapat golongan ulama' yang berkemampuan untuk memimpin, dan yang lain adalah terdiri daripada golongan yang melakukan kebaikan dengan jalan mengikut, dan ada pula golongan yang lemah imannya, yang kalaulah tidak ditugaskan untuk menunaikan kewajipannya dalam keadaan dilihat oleh orang ramai, maka mereka akan meringan-ringankan kewajipan itu. Maka yang paling bermanfaat dan paling bersetuju dengan kemaslahatan mereka itu semua sekali, ialah mereka semua itu melakukan amalan ta'at kepada Allah dalam jama'ah beramai-ramai, dengan itu dapat dibezakan mereka yang menunaikannya daripada mereka yang tidak, mereka yang bersungguh-sungguh (dalam pelaksanaannya) daripada mereka yang tidak, mereka yang alim diikuti dan mereka yang tidak mengetahui diberikan pengajaran oleh mereka yang alim. Dengan itu maka amalan ibadah itu (bersembahyang jama'ah) menjadi perkara yang membezakan antara yang baik dengan yang mungkar, yang sebenar dari yang palsu, sehingga dengan itu maka yang sebenar itu menjadi berpengaruh dan menang, dan yang tidak sebenar itu menjadi lenyap.

Selain dari itu (antara keutamaan-keutamaan berjama'ah ialah) jama'ah muslimin yang terdiri daripada mereka yang bersungguh-sungguh menyintai Allah, dan yang sangat-sangat mengharapkan rahmatNya dan takut kepadaNya, dengan jiwa dan hati tertumpu seluruhnya kepada Allah. Ini

semua ada mempunyai kelebihan yang menakjubkan, iaitu turunnya keberkatan dan rahmat llahi ke atas jama'ah itu.

Tambahan lagi, tujuan Allah membangkitkan umat ini ialah supaya kalimah Allah dijadikan setinggi-tingginya dan supaya Islam menjadi agama (din) yang setinggi-tingginya, mengatasi agama-agama yang lain. Hal ini tidak terupa pada akal dapat dicapai, melainkan dengan jalan semua orang Islam, baik golongan yang atasan dan orang awam, orang bandar dan luar bandar, yang besar dan yang kecil, semuanya bersama-sama melaksanakan syi'ar Islam yang paling agong dan suci (solat) dengan berjama'ah dalam suatu tempat (masjid). Sebab inilah maka hukum Islam sedemikian mementingkan sembahyang jama'ah dan Juma'at dengan menyebut kelebihan-kelebihan daripadanya bila ianya diamalkan dan azab yang dikenakan ke atas mereka yang mencuaikannya.

(Untuk menjayakannya) maka diadakan dua jenis jama'ah yang terbuka, satunya ialah jama'ah dalam suatu kawasan kecil (hayy) dan yang satu lagi ialah jama'ah dalam suatu kawasan bandar atau kawasan yang lebih besar (Madinah). Jama'ah dalam kawasan pertama itu senang diadakan pada tiap-tiap waktu sembahyang, manakala jama'ah dalam kawasan kedua itu agak sukar, maka ditetapkanlah bahawa sembahyang Juma'at itu dilaksanakan seminggu sekali."

Huraian Shah Waliyyul'Lah (r.a.) di atas dengan jelas menunjukkan kedudukan amalan masjid dan nilai tarbiyah di dalamnya dalam pembentukan peribadi manusia muslim dan masyarakatnya.

Dalam hubungan dengan kepentingan kepada orang perseorangan, maka kita teringat kepada apa yang disebutkan

oleh Ibn 'Athail'Lah al-Sakandari (r.a.) di dalam kitabnya *Tanwir al-Qulub* (hal.34). Ia menyatakan bahawa dengan pelaksanaan sembahyang jama'ah itu hati para muslimin boleh bertemu dan bersatu serta mereka saling tolong menolong, dan di dalam jama'ah yang sedemikian itu keberkatan muncurah turun dari alam tinggi, dan itu mendatangkan kesan yang sangat baik kepada mereka. Perhimpunan yang sedemikian ini diibaratkan oleh beliau sebagai perhimpunan tentera yang tersusun rapi, dan dalam hubungan dengan ini juga beliau menyebutkan hadith Nabi s.a.w.: يد الله مع الجماعة yang bermaksud: "Tangan Allah beserta dengan jama'ah".

### **Adab-Adab di Masjid**

Sebelum kita berpindah kepada masalah yang lain lagi, elok juga kita mengingati adab-adab yang disebut oleh al-Syeikh Abu al-Layth al-Samarqandi (r.h.) di dalam tulisannya yang masyhur, *Tanbih al-Ghafilan* (hal. 112) dalam hubungan dengan menghormati masjid-masjid. Katanya, bahawa penghormatan kita dan adab kita kepada masjid tertunai dengan kita melakukan beberapa amalan:

- 1) Memberisalam bila masuk, kalau ada orang duduk-duduk, tapi kalau mereka sedang sembahyang, hendaklah kita memberi salam dengan menyebut: السلام علينا من ربنا و على عباد الله الصالحين
- 2) Menunaikan sembahyang sunat Tahiyat al-Masjid
- 3) Tidak berjual beli di dalamnya
- 4) Tidak menghunus pedang (atau apa-apa senjata) di dalamnya
- 5) Tidak mencari barang hilang di dalamnya

- 6) Tidak mengangkat suara di dalamnya, kecuali untuk zikir Allah, kalau tidak menganggu orang sembahyang
- 7) Tidak berbicara hal ehwal dunia
- 8) Tidak melangkah leher orang
- 9) Tidak bertengkar
- 10) Tidak mempersempitkan saf untuk orang lain masuk
- 11) Tidak berjalan di hadapan orang sedang sembahyang
- 12) Jangan meludah di dalam masjid
- 13) Jangan membunyikan jari-jari dengan mematahkananya
- 14) Hendaklah dibuang najis yang berada dalam masjid, hendaklah dikeluarkan daripadanya kanak-kanak, orang-orang gila dan jangan dikenakan hukum had di dalamnya
- 15) Hendaklah diperbanyakkan zikir Allah di dalamnya dan jangan lalai daripadanya (dan boleh ditambah: Tilawah al-Quran).

### [3]

## Institusi Masjid Yang Bersifat Futuristik

Masjid merupakan bangunan yang suci dan penting dalam ajaran dan sejarah Islam. Ini boleh dilihat daripada peristiwa Isra' Mi'raj Nabi s.a.w. yang mencatatkan bagaimana perjalanan suci dan tinggi itu bermula dari Masjidil-Haram di Makkah menuju ke Masjidil-Aqsa di Palestin, kemudian dari sana menuju ke "Masjid di atas langit", iaitu al-Baitul Ma'mur; kemudian dari sana terus Baginda dalam perjalanan ke alam abadi itu sehingga ia kembali ke Masjidil-Haram akhirnya. Kepentingan ini juga boleh dilihat daripada peristiwa bagaimana Baginda memulakan hijrahnya di Madinah dengan membina masjid, dan bagaimana kemudiannya Masjid Nabawi di Madinah menjadi contoh teladan bagi fungsi dan kedudukan masjid dalam sejarah dan alam Islam – selain daripada Masjidil-Haram dengan kedudukannya dalam sejarah Islam dan masyarakatnya secara ringkas. Kemudian akan digariskan kedudukan dan fungsinya dalam masyarakat kini, dan kepentingannya yang bersifat futuristik, serta langkah-langkah yang perlu diambil dalam mempersiapkan institusi masjid yang futuristik bagi menunaikan tuntutan masa kini dalam masyarakat Islam dalam menghadapi masa sekarang dan akan datang.

## Kepentingan Dan Kedudukan Masjid

Mengikut riwayat-riwayat dari Bukhari, Muslim, Imam Ahmad, dan lainnya, Baginda s.a.w. menyuruh membina masjid di Madinah bila Baginda sampai ke sana. Dari situ terbinanya masjid di Madinah yang bermula dengan binaan yang sederhana dan kemudiannya menjadi binaan yang teguh dan indah. Dalam masjid itu Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya melakukan sembahyang berjama'ah, sembahyang Juma'at dan menjayakan pendidikan Islam. Dalam masjid itu Baginda menerima rombongan Banu Thaqif yang belum Islam, dan mengadakan rundingan dengan mereka, juga Baginda membina khemah-khemah untuk mereka dalam kawasan masjid. Selain itu para perwakilan dari qabilah Banu Tamim juga bebas bergerak dalam masjid dan mereka bertemu dengan Nabi s.a.w. selepas Baginda menunaikan sembahyangnya. Selepas peperangan Uhud misalnya para pemimpin di Madinah bermalam di masjid. Orang-orang qabilah Aus pernah merawat orang-orang yang luka di dalamnya; seorang tawanan perang pernah diikat ke salah satu batang tiang masjid; ada orang-orang yang berada di masjid dan mereka tinggal di *Suffah*. Khemah-khemah dan rumah-rumah kecil ada dibina dalam kawasan masjid oleh mereka yang baharu masuk Islam dengan salah satunya dibina oleh Banu Ghifar; dalam khemah ini Sa'd ibn Mu'adh meninggal dunia kerana luka parahnya. Dalam masjid ini juga Baginda s.a.w. menerima sedekah dan membahagi-bahagikannya di kalangan para sahabatnya. Perselisihan pendapat pernah berlaku dalam masjid berkenaan dengan perniagaan dan dibicarakan. Bahkan, pernah berlaku peristiwa orang-orang Abyssinia melakukan tarian pedang dan lembing dalam kawasan masjid dengan diperhatikan sendiri oleh Nabi s.a.w. dan isterinya Siti 'Aisyah rd.

Jelasnya, masjid yang menjadi pusat ibadat Rasulullah s.a.w. dan Muslimin pada zaman awal itu, tidak lama kemudiannya berkembang menjadi pusat siasah s.a.w. yang menyaksikan Baginda menghimpunkan Muslimin untuk ibadat, berkhutbah kepada mereka dan memberi penerangan agama kepada mereka. Di sana Baginda berbicara berkenaan dengan hidup rohaniyah dan siasah ummat, juga Baginda memutuskan hukuman, menghantar keluar tentera untuk berjihad, dan mengeluarkan rombongan untuk keluar berdakwah. Di sini juga Baginda menerima duta-duta negeri asing. Ringkasnya masjid menjadi pusat gerakan dan kehidupan ummat seluruhnya.

Dalam masa kemudiannya, general-general Muslimin membina masjid-masjid selepas membuka negeri-negeri baharu. Di sanalah Muslimin berhimpun; dengan itu masjid-masjid berfungsi menjadi pusat-pusat ibadat, pentadbiran dan pendidikan. Contohnya Kota Basrah dibuka oleh 'Utbah bin Ghazwan sebagai pusat perhimpunan musim dingin tentera dalam tahun 14 Hijrah/635 Masehi. Dalam pembinaannya, masjid diletakkan di tengah-tengah kota bersekali dengan Dar al-Imarah, tempat kediaman Ketua Turus Perang, bersekali dengan penjara dan dewan di hadapannya. Peristiwa yang sama berlaku di Kufah yang dibuka oleh Sa'ad ibn Abi Waqash r.d. dalam tahun 17H/638 M. Di tengah-tengahnya dibinakan masjid, dan di sisinya Dar al-Imarah. Kemudian dengan perintah Sayidina 'Umar rd, Darul Imarah yang berada di sisi masjid itu digabungkan dengan masjid. Ertinya, pelannya adalah benar-benar replika Masjid Madinah, sebagaimana yang diberikan penekanan oleh al-Tabari (rd). Kepentingan masjid itu boleh dilihat daripada kedudukannya dan ketua turus tentera tinggal dalam kediaman berhampiran dengannya.

Bila Kota Iskandariah diambil oleh 'Amru ibn al-'Ash, masjid dibina dalam sebuah kebun di mana baginda meletakkan benderanya. 'Amru ibn al-'Ash hidup dan berjuang di sana, dan baginda mendiami kediaman di sisi masjid itu. Nampaknya susulan yang sama berlaku di Mausil. Dalam masa pemerintahan Mu'awiyah rd, kita dapat i Kota Qayrawan diletakkan dalam pelan lama sebagai khemah tentera dengan masjid dan Dar al-Imarah berada di tengah-tengahnya. Dan sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Baladhuri rd, ketua-ketua tentera Muslimin, walaupun pada masa kemudian, selalu membina masjid di tengah-tengah kota yang baharu diambil, mula-mulanya dengan cara sederhana dalam setiap kota, dengan sifatnya mencontohi masjid di Madinah.

Pada zaman kemudian, masjid-masjid yang terkenal ialah masjid Damsyiq, Masjid Umawi, Masjid Baghdad, Masjid 'Amru ibn al-'Ash, kemudian Masjid al-Azhar. Dalam negeri-negeri Islam seterusnya, masjid-masjid memainkan peranannya di Cordova, Istanbul, Delhi, dan seterusnya sampai ke Nusantara dengan Kerajaan Melaka, Aceh, Berunai dan Jawa.

### **Pusat Rohaniah**

Masjid sebagai pusat kegiatan rohaniyah adalah jelas sejak awal lagi. Antara amalan-amalan yang dilakukan di dalamnya ialah sembahyang lima waktu sehari semalam; sembahyang Juma'at seminggu sekali; sembahyang sunat nawafil bagi mereka yang tidak sempat melakukannya di rumah; sembahyang sunat Tarawih pada bulan Ramadhan, kebanyakannya dilakukan sebanyak dua puluh raka'at, bacaan al-Qur'an beramai-ramai ataupun seorang-seorang, selain daripada di rumah, wirid dan zikir beramai-ramai, yang banyaknya dilakukan selepas Subuh dan sembahyang 'Isya. Tafakkur dan muhasabah diri biasanya

dilakukan seorang-seorang. Pada hari Juma'at ada khutbah Juma'at. Sembahyang Hari Raya Puasa dan sembahyang Hari Raya Haji. Kalau hendak ditambah, sembahyang Tasbih. Boleh ditambah lagi sembahyang hajat beramai-ramai, sembahyang minta hujan, sembahyang menolak bala bencana, sembahyang mayat bila berlaku kematian. Kegiatan-kegiatan rohaniyah ini perlu dihidupkan semaksima mungkin dalam masyarakat supaya dengan itu fungsi rohaniyahnya berlaku dan menimbulkan pengaruhnya yang sangat berkesan dalam menghidupkan kerohanian umat manusia dan dalam merohanikan masyarakat, apa lagi dalam masa sekarang yang berlaku sangat banyak unsur-unsur ghaflah, kelalaian, yang menarik manusia supaya menjauhkan diri daripada Tuhan dan hidup rohaniah.

### Analisis Ringkas

Dalam sembahyang ada *Fatihah*, yang menyebut tentang sifat Rahman dan Rahim Tuhan, puji terhadapNya, sifat RububiyyahNya, sifat Rahman dan RahimNya, penguasaan hari kemudian, hanya Dia yang kita sembah, dan kepadaNya sahaja kita minta pertolongan-permohonan untuk mendapat jalan yang lurus dan teguh padaNya (iaitu jalan para Nabi, Siddiqin, Syuhada, Salihin, yang sejarah mereka perlu diketahui supaya mereka boleh diikuti); juga doa minta dijauhkan daripada jalan mereka yang dimurkai dan mereka yang sesat.

Selain sembahyang ada wirid-wirid; terdiri daripada istighfar, minta ampun kepadaNya, negeri sejahtera tempat tujuan akhir kita, bahkan Dia sendiri kesejahteraan; bacaan al-Fatihah; bacaan Ayat Kursi yang menyebut tentang ketuhananNya, sifat QayyumNya, maha hidupNya, tidak tidurNya, milikNya semua langit bumi, syafa'at hanya dengan izinNya, ilmuNya yang meliputi, makhluk tidak menanggapi ilmuNya melainkan setakat

diizinkan olehNya, kursi kekuasaanNya semua langit bumi, sifat Maha Mengetahui dan Maha AgongNya.

Kemudian beberapa potong ayat Qur'an. Kemudian *Surah al-Ikhlas*, yang menyebut keesaanNya, sifat samadiyahNya, sifat tidak melahirkan dan tidak dilahirkan, sifat tidak ada kufu bagiNya. Kemudian *Surah al-Falaq* yang meminta perlindungan daripada bentuk-bentuk kejahanatan alam halus dan manusia. Minta perlindungan daripada kedengkian dan ahli dengki. Diakhiri dengan *Surah al-Nas*, meminta perlindungan daripada waswas yang terbisik ke dalam dada, dari manusia dan jin.

Ini diikuti dengan *Tasbih* 33 kali, *Tahmid* 33 kali, *Takbir* 33 kali, *Tahlil* 10 kali, kemudian diakhiri dengan kata-kata yang menyebut kalimah yang hak, di dalamNya kita hidup dan denganNya kita menemui Tuhan, dengannya kita dibangkitkan, dan dengan kehendak Allah kita termasuk dalam kalangan mereka yang aman dari seksa. Amin!

Kemudian diikuti dengan sembahyang sunat masing-masing, kecuali selepas Subuh dan Asar, kerana tidak ada sunat selepasnya.

Sembahyang Juma'at. Sebelum sembahyang ada dua khutbah. Di dalamnya diberikan "Spiritual and moral survey of the community" – penelitian dan peringatan rohaniyah dan akhlak masyarakat Islam untuk minggu itu. Diingatkan di dalamnya; hidup dengan memuji Allah dan bersyukur kepadaNya; ingat kepada Nabi dan bersalawat kepadanya; dua syahadah yang menjadi dasar hidup; dasar taqwa yang menjadi dasar hidup semua anbiya dan mursalin a.s.s; kemudian ajaran Qur'an yang relevan. Kemudian doa dan minta keampunan. Demikian lebih kurang isi khutbah kedua.

(Sudah tentu perlu diingatkan bahawa sebelum sembahyang dialunkan azan yang merdu, yang berupa sebagai suara yang asalnya datang dari alam abadi yang memecah kesunyian dalam alam suara dan buana ini. Dimulakan dengan penegasan Maha Besar dan Maha AgungNya Allah. Diikuti dengan penyaksian tentang tiada Tuhan melainkan Allah dan kerasulan Muhammad; kemudian dialunkan panggilan supaya datang bersembahyang; supaya datang kepada kejayaan yang hakiki dan abadi; diulangi lagi Maha BesarNya Tuhan, sebelum diakhiri dengan kenyataan tiada Tuhan melainkan Allah).

Sunat nawafil yang dilakukan kerana cinta dan kasih kepada Tuhan oleh hamba-hamba yang benar-benar mengabdikan dirinya kepada Tuhan.

Dalam sembahyang ada *Fatihahnya* dengan ajarannya; ada surah-surah yang dibaca; ada tasbih ruku' yang mengakui keagungan Tuhan; ucapan ketika i'tidal yang mengakui Tuhan mendengar pujian hambaNya dan Dia berhak dipuji; tasbih sujud yang bermaksudkan pengakuan Maha Tingginya Allah, dan Maha Rendahnya hamba; doa antara dua sujud yang meminta keampunan, rahmat, bantuan dan penampungan, rezeki, hidayah, afiat dan kemaafan Tuhan. Tasbih sujud lagi. Demikian seterusnya sampai kepada tahiyyat yang di dalamnya ada kenyataan tentang tahiyyat yang berkat dan salawat bagi Allah; kesejahteraan atas diri dan hamba Allah yang salih. Kemudian syahadat, kemudian salawat kepada Nabi. Dan sedikit doa. Akhirnya kesejahteraan kepada mereka yang di kanan dan mereka yang di kiri. Kemudian wirid dan doa lagi.

Alangkah banyak dan mencurahnya air rahmat dan keampunan ke atas para hamba yang menjayakan sembahyang dan amalan-amalan rohaniyah yang sedemikian ini.

Sembahyang sunat Tarawih bulan Ramadhan, dua puluh rakaat, dengan sandaran yang terlalu amat kuat; ianya mendatangkan rahmat pada bulan gandaan amalan ini. Apa lagi kalau dibaca al-Qur'an sekali khatam dalam sembahyang tarawih itu; lebih-lebih lagi kalau para makmum memahaminya.

Mungkin elok disebutkan di sini, sebagai tambahan, bahawa sangat perlu pendidikan Qur'an dan membaca Qur'an disebar luaskan; rancangan-rancangan rasmi dan bukan rasmi yang sudah ada itu perlu diteruskan dan ditambah. Antaranya yang boleh ditambah, elok diajak ahli masyarakat membiasakan membaca al-Qur'an beramai-ramai di semua masjid dan musalla sekali sehari, misalnya selepas sembahyang Subuh, sebelum berdo'a. Dan bacaan itu disertakan dengan maknanya sekali, misalnya dengan berpandukan mana-mana tafsir seperti *Pimpinan Al-Rahman*.

Sembahyang jenazah dilakukan di masjid. Untuk ini ahli masyarakat perlu diajar cara-cara melakukan sembahyang jenazah. Di dalamnya kita membaca *Fatihah*, bersalawat, mendoakan keampunan, rahmat, kemaafan, afiah; kesejahteraan bagi mayat dan kenyamanannya dalam alam baharu yang menjadi gerbang ke alam yang kekal abadi.

Wirid dan zikir beramai-ramai perlu dihidupkan dan diamalkan dengan penuh iltizam; zikirlah yang mendatangkan kejayaan sesungguhnya; hidup dalam kesenangan tetapi jika kalbu dan jiwa sengsara, maka bukan kejayaan namanya. Jangan kita terpengaruh dengan pandangan yang mudah membida'ahkan orang lain, antaranya dalam hubungan dengan amalan-amalan seperti ini. Fadhilat zikir, wirid dan doa tidak terkira besarnya dalam mendidik manusia dari segi rohaniyah dan moralnya. Ini sangat diperlukan dalam zaman manusia tenggelam dalam

kelazatan jasmaniah yang melampau-lampau seperti sekarang, sehingga manusia boleh disebut hanya sebagai *one-dimensional man*.

Sembahyang Hari Raya ada kesan-kesan dan fadhilatnya, dengan khutbah yang sepatutnya memberi pendidikan rohaniyah dan akhlak serta sosial kepada ahli jama'ah. Sembahyang Hari Raya mengajarkan kepada kita bahawa Hari Raya bukan hanya musim bersuka-suka dalam erti kata biasa dan duniawi, bahkan ianya masa kesyukuran dan kegembiraan rohaniyah – *A Spiritual Rejoicing* - kita bersuka-suka dan bergembira dalam mengecapi nikmat Tuhan dan RahmatNya, tetapi kita tidak derhaka kepadaNya.

Sembahyang sunat Tasbih mempunyai dimensi rohaniahnya yang tersendiri. Sembahyang sunat yang ditandai dengan ucapan 300 tasbih dalam empat raka'at itu sungguh mengesankan dalam tarbiyah ruhiah yang tidak sepatutnya diabaikan oleh orang yang mengambil berat tentang agamanya dan hubungannya dengan Tuhannya. Ada mereka yang menggunakan sembahyang Tasbih ini sebagai peluang untuk munajat kepada Tuhan dan memohon hajat kepadaNya, mengatakan keberkesanannya dalam mendapatkan hajat yang dipohonkan. Masanya tidak ditentukan; kalau dibuat malam Jumaat itupun dibolehkan. Ada mereka yang melakukannya pada malam Hari Raya.

Sembahyang hajat beramai-ramai dan sembahyang minta hujan merupakan sembahyang sunat yang di dalamnya Allah mengharuskan kita memohon penyelesaian terhadap masalah-masalah duniawi kita, sampai kepada masalah minta hujan. Ini adalah selain daripada kita melakukan usaha sedaya upaya kita. Dalam kita berusaha itu kita memohon pertolongan kepada Tuhan.

Alangkah segarnya dan sejuknya hidup rohaniyah dalam masyarakat Islam kalaullah malan-amalan ini dijayakan dengan sebaik-baiknya. Gambaran tentang dasar hidup ini dinyatakan dalam Al-Qur'an dalam ayat;

الَّذِينَ إِنْ مَكَنُوهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَإِاتُوا  
الزَّكُوَةَ وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ  
عَنِّيْبَةُ الْأُمُورِ

"laitu mereka (ummah Islam, ahli masyarakat Islam) yang jika kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar, dan ingatlah, bagi Allah jualah kesudahan segala urusan". (al-Haj. 41).

### Pusat Pendidikan

Sebagai pusat pendidikan, masjid semenjak zaman Nabi s.a.w. merupakan markaz pendidikan, bahkan ianya universiti bagi ummat. Di sana Nabi s.a.w. mengajar al-Qur'an kepada para sahabatnya dan Baginda mengeluarkan hadith-hadith dari mulutnya yang mulia dan menyatakan cara hidup melalui tindakan dirinya yang menjadi bimbingan kepada mereka.

Masjid-masjid menjadi pusat pendidikan Qur'an dan hukum-hukum Islam serta ilmu-ilmu Islam lain. Daripada pengajian Qur'an dalam masjid-masjid, timbulah pengajian tentang sunnah dan bidang-bidang pengajian yang lain. Masjid yang

besar-besar, bermula dengan Masjidil-Haram dan Masjid Nabawi, berkembang menjadi pusat-pusat pengajian Islam; sistem "madrasah" berkembang dengan pendidikan yang bermula di masjid. Selain daripada pengajian tentang Qur'an, sunnah dan hukum-hukum, timbul dan berkembang pula pengajian berkaitan dengan nahu dan bahasa Arab. Misalnya Sa'id bin al-Musayyib rh. yang terkenal itu berbincang tentang sya'ir Arab dalam majlis ilmunya dalam masjid di Madinah. Demikianlah berabad-abad lamanya pengajian Islam berkembang dalam masjid-masjid. Tetap dan benar kenyataan yang berbunyi "Demikianlah masjid terus digunakan sebagai pusat pengajaran bagi satu atau banyak lagi ilmu-ilmu Islam, ataupun ilmu-ilmu bantu dalam bidang-bidang ilmu persuratan, sampai ke abad ke 3/9 dalam sejarah Islam". Selepas peristiwa *mihnah* zaman al-Ma'mun, masjid-masjid lebih bersifat sebagai maktab-maktab pengajian undang-undang. Dalam masjid-masjid pula ada himpunan kitab-kitab yang banyak, dan kemudiannya ditambahkan dengan perpustakaan-perpustakaan yang lain lagi.

Ibn Batutah yang mengembara dalam abad ke 8/14, iaitu dalam zaman madrasah paling berkembang, menghadiri kuliah-kuliah tentang hadith di Masjid Jame' Shiras dan Jame' al-Mansur di Baghdad. Di Damsyik, dalam 580/1184, Ibn Jubair menyebut tentang bilik-bilik dalam Masjid Umawi yang digunakan oleh penuntut-penuntut mazhab Syafi'e dan Maliki, yang menerima bantuan kewangan yang agak lumayan. Di Mesir, pada zaman al-Maqrizi, abad 3/15, terdapat 8 bilik untuk mereka yang mempelajari fiqh di Masjid Amru. Bilik tertentu yang ditentukan untuk penyampaian pelajaran dalam masjid dipanggil sebagai madrasah. Antaranya enam daripada madrasah di Damsyik terletak dalam Masjid Umawi.

Tentang bidang pengajian, sebagaimana yang telah disebutkan, dalam masjid-masjid diajarkan Quran, Sunnah dan

pengajian tentang hukum-hakam, serta ilmu-ilmu berkaitan dengan bahasa dan sastera Arab.

Ilmu-ilmu Islam lain diajarkan juga dengan menggunakan teks-teks yang terkenal dan diakui dalam alam Islam. Contoh yang terkemuka yang boleh disebutkan dalam hubungan dengan ini ialah Masjid al-Azhar yang diasaskan pada zaman kerajaan Fatimiyyah dan kemudiannya menjadi universiti Islam yang terkenal di seluruh alam Islami. Dalam sejarahnya, diajarkan di dalamnya fiqh empat mazhab, nahu Arab dan sasteranya, juga diajarkan di dalamnya perubatan. Dalam abad ke 20, al-Azhar mengalami banyak perubahan yang membawa banyak kebaikan kepadanya; dan kedudukannya sebagai universiti Islam yang paling terkenal dan tertua masih tidak terjejas. Dalam negeri-negeri Islam seluruhnya, masjid-masjid menjadi pusat pendidikan Islam selain daripada madrasah-madrasah yang terkenal itu.

Dengan ringkasnya boleh kita sebutkan bahawa, antaranya, sistem pendidikan dalam masjid-masjidlah yang mencorakkan pendidikan tradisional Islam selama ini; yang menentukan aqidah, hukum, akhlak, disiplin dan persuratan dalam alam Islami.

Kedudukan masjid-masjid sebagai pusat pendidikan yang terlaksana dengan teratur dan berkesan perlu mendapat pembelaan dan dijayakan kembali, apa lagi dalam masyarakat sekarang yang banyak dilanda oleh masalah-masalah dan krisis-krisis moral dan kerohanian serta aqidah.

### **Pusat Kegiatan Sosial**

Sejarah menunjukkan bahawa masjid-masjid bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya, Allah meredhai

mereka. Masjid merupakan pusat kegiatan sosial Muslim. Di sanalah dilakukan akad nikah, diadakan perhimpunan-perhimpunan bagi mengingati hari-hari kebesaran Islam, juga majlis-majlis pertemuan dengan ahli-ahli ilmu pengetahuan dan pemimpin-pemimpin. Di sana juga diselesaikan masalah-masalah melalui mesyuarat dalam kalangan pimpinan dan ahli masyarakat setempat. Fungsi-fungsi demikian perlu dihidupkan kembali dengan cara lebih teratur dan cergas supaya pengaruh masjid dalam masyarakat terus berkembang dan terasa kesannya sebagai satu institusi yang sudah bermula dengan masyarakat Islam awal itu.

Pengembalian kepada fungsi-fungsi masjid yang demikian boleh membantu dalam menyelesaikan sesetengah daripada masalah-masalah sosial yang dihadapi sekarang ini.

Selain itu, perkhidmatan dalam bidang sosial juga elok diadakan di masjid-masjid, kelengkapan-kelengkapan dan persediaan-persediaan untuk sesi kaunseling bagi mereka yang memerlukannya, dan juga kemudahan-kemudahan untuk keperluan-keperluan pertolongan cemas dan bantuan-bantuan perubatan peringkat awal bagi mereka yang memerlukannya. Mungkin dalam hubungan dengan ini, wajar diadakan tabung-tabung khas masjid untuk menjayakan rawatan-rawatan bagi mereka yang tidak mempunyai kemampuan bila diperlukan.

Keperluan-keperluan sosial lain juga perlu difikirkan dan diadakan di masjid, supaya dengan itu fungsinya kembali kepada keadaannya yang asal, dengan tambahan-tambahan fungsi baharu yang lain, sesuai dengan perkembangan yang berlaku sekarang ini.

Antaranya juga, dalam kompleks masjid, elok diadakan tempat-tempat khas di mana boleh dijayakan kursus-kursus singkat dalam pelbagai bidang yang diperlukan untuk anak qaryah supaya dengan itu ahli masyarakat Islam boleh mendapat bimbingan dalam bidang-bidang yang diperlukan yang boleh ditangani oleh pihak pimpinan masjid dan qaryah.

Masjid-masjid juga perlu menjadi pusat kegiatan bagi melakukan amar ma'ruf dan nahi munkar di peringkat qaryah supaya dengan itu pelaksanaan hidup Islam dapat berjalan dengan baik dan kegiatan nahi munkarnya akan menjadikan qaryah terbebas daripada kemaksiatan, atau sekurang-kurangnya kemaksiatan dapat diminimakan. Untuk ini mungkin diperlukan penyusunan sebuah jawatankuasa di peringkat qaryah dengan penentuan tugas-tugas atas dasar hendak menjayakan hidup keislaman dalam qaryah masing-masing.

Pada peringkat kota juga langkah-langkah yang sama perlu diambil, sesuai dengan suasana yang ada di kota-kota, dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan.

### **Perkembangan Sekarang dan Akan Datang**

Bila berbicara berkenaan dengan fungsi dan kedudukan masjid dalam ummah ini serta kaitannya dengan perkembangan-perkembangan yang sedang dan akan berlaku, maka beberapa perkara terlintas pada fikiran kita.

Antaranya, lebih pelbagai fungsi masjid yang perlu difahami dan dijayakan dengan baiknya serta berkesan, demi untuk menghadapi masalah-masalah yang timbul dan pelaksanaan tugas yang dituntut oleh agama dan masyarakat yang berkembang.

Banyaknya masalah-masalah kerohanian, moral dan sosial yang masjid mempunyai potensi yang amat besar untuk menjadi penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi dan akan dihadapi itu; dan ini memerlukan persiapan-persiapan personel, organisasi dan pentadbiran yang cukup mantap.

Selain itu keperluan masyarakat kepada pemupukan perpaduan dalam masyarakat Islam dan juga dalam hubungan dengan mereka yang bukan Muslim yang ada dalam masyarakat kita – dan masjidlah yang boleh memainkan peranan yang pokok dan berkesan dalam bidang berkenaan, sesuai dengan kedudukannya sebagai “zon aman” dalam masyarakat. Maka langkah-langkah perlu diambil supaya fungsi ini terlaksana dengan baik dan berkesan dan tidak disalahgunakan.

Juga perkembangan dalam bidang teknologi maklumat perlu dimanfaatkan oleh institusi masjid demi untuk menyempurnakan pelaksanaan fungsinya dengan berkesan dalam masyarakat, dengan menyediakan kemudahan dan persiapan-persiapan yang diperlukan dalam bidang yang berkenaan.

### **Beberapa Cadangan Untuk Menjayakan Institusi Masjid yang Futuristik**

#### *Segi Fisikal*

Tanpa menyentuh seni binanya, yang akan dibicarakan oleh mereka yang ahli di dalamnya, pembinaan masjid dan kompleksnya hendaklah ada padanya kemudahan-kemudahan dan prasarana-prasarana bagi menjayakan tugas ibadat, seperti sembahyang dan sebagainya, pendidikan, khidmat sosial, dan rancangan bagi menggalakkan dan menjayakan keterampilan yang diperlukan dalam umat ini masakini, sesuai dengan

kedudukan masjid dan kompleksnya sebagai pusat rohaniyah, keagamaan, sosial dan bimbingan serta pembangunan ummah.

Antaranya hendaklah ada kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan, klinik, kelengkapan untuk kaunseling, dan persiapan-persiapan lain dalam kompleks, untuk diadakan pameran bahan-bahan pendidikan, barang-barang Islam, dan makanan halal, serta pakaian dan keperluan-keperluan yang seperti itu.

Hendaklah kadar kebersihan yang sesuai wujud dalam masjid dan kompleksnya, dan tandasnya. Penekanan hendaklah diberi kepada kebersihan tandas selain daripada kebersihan tempat-tempat lain.

Kelengkapan dan alat-alat untuk pendidikan dengan bilik-bilik untuknya, dengan komputernya, CD ROMnya, projector untuk transparensi dan sebagainya, dan lain-lain alat diperlukan, demi untuk menjayakan pendidikan dengan penggunaan alat-alat yang bersifat multimedia (dimulakan dengan masjid-masjid yang besar dahulu).

Kelengkapan dewan-dewan kuliah dan dewan persidangan dengan adanya alat-alat pandang dengar yang cukup, beserta dengan kelengkapan untuk 'simultaneous translation' supaya boleh dimanfaatkan bila adanya penceramah-penceramah dari luar negeri yang datang berceramah dengan menggunakan bahasa-bahasa lain.

Teratur dengan eloknya pejabat-pejabat pentadbiran masjid, imam, bilal dan siak, dan lainnya, termasuk pegawai-pegawai lain secara sistematik. Mungkin perlu diadakan model oleh mereka yang ahli dalam bidang ini supaya bentuk yang standard boleh

dilahirkan bagi masjid-masjid, dalam kategorinya yang sesuai, supaya boleh dijadikan contoh untuk seluruh negara.

Hendaklah maklumat-maklumat berkenaan qaryah, dan ini boleh dihubungkan pula dengan sistem rangkaian nasional di Kuala Lumpur, supaya boleh dimanfaatkan bila diperlukan.

### *Organisasi dan Tugas-tugas*

Penyusunan tugas para pegawai masjid, terdiri daripada imam, bilal dan seterusnya, pegawai pendidikan dan penyelidikan dan seterusnya, diselaraskan dan ditentukan dengan nyata, supaya dengan itu perjalanan tugas berlaku dengan licin dan berkesan.

Penentuan tugas ini hendaklah nyata dan seragam, dan mungkin ini berfaedah ditentukan pada peringkat kebangsaan dahulu sebelum kemudiannya disebarluaskan ke seluruh Negara.

### *Pendidikan*

Kurikulum pendidikan masjid perlu disistematikkan dengan inputnya terdiri daripada al-Quran dan tafsirnya, termasuk tajwidnya, hadith dan sirahnya, serta sejarahnya, usulud-din dan fiqhnya, masalah ilmu-ilmu sesatnya, fiqh amaliahnya, dengan bimbingan tentang hidup harian dan semasa, akhlak dan hidup rohaniahnya dengan penumpuan kepada pembersihan akhlak daripada sifat-sifat yang keji dan pelaksanaan dan amalan sifat-sifat yang mulia dan murni.

Semuanya perlu disampaikan berdasarkan teks-teks yang dipilih dengan sistematik supaya selaras dan tepat, tidak menyeleweng. Semuanya dengan berdasar kepada pegangan dan amalan Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah di mana masjid-masjid

merupakan benteng bagi mempertahankannya. Identiti rantau ini sebagai rantau Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah perlu dipertahankan oleh kita semua, apa lagi institusi masjid dan mereka yang terlibat di dalamnya. Aliran-aliran lain boleh dipelajari sebagai bahan bandingan. Semua bentuk penyelewengan aqidah hendaklah dielakkan. Dan masyarakat perlu diberi pendidikan supaya mereka kebal terhadap pengaruh-pengaruh yang menyeleweng.

Khutbah-khutbah hendaklah bernes dan kemas isinya dan disampaikan oleh para khatib yang fasih dan meyakinkan sebutannya; dan para khatib hendaklah terdiri daripada mereka yang terlatih dan mahir dalam 'seni'nya ini.

Bertalian dengan ini diperlukan suatu jenis 'maktab' untuk melatih para imam dan pegawai masjid serta para khatib di peringkat kebangsaan demi untuk menjayakan institusi masjid yang sedemikian penting ini.

Perlu juga dijaga supaya perbezaan-perbezaan politik kepartian sebagaimana yang ada sekarang ini tidak dibawa masuk ke dalam sesi-sesi pengajian masjid, bukannya kerana kita tidak menyedari bahawa siasah dalam pengertian setepatnya tidak terpisah dari Islam, tetapi kerana yang dimaksudkan ialah siasah kepartian yang ada sekarang ini. Setidak-tidaknya ada dua alasan untuk kenyataan ini:

**Satu:** Masjid adalah zon aman dalam masyarakat Islam di mana-mana. Di situ umat Islam menghentikan perselisihan dan persengketaan dan mereka mengalami persaudaraan Islam tulen. Ini adalah berdasarkan maksudayat "Sesiapa yang memasukinya ia aman". Masjid adalah ibarat Masjidil-Haram yang sesiapa memasukinya maka ia adalah aman dari

gangguan. Kalau lahir politik kepartian dan kelainan pendapat tentangnya dimasukkan ke dalamnya, maka tidak ada lagi zon aman dalam masyarakat Islam. Marilah kita bersihkan masjid daripada gangguan yang sedemikian itu. Kita tidak mahu diimport ke dalam rantau kita unsur-unsur yang negatif yang ada dalam rantau lain. Dan kalau kita tidak ada zon aman dalam masyarakat kita, maka kita akan menghadapi kesengsaraan di sini dan di akhirat nanti. Ya Allah selamatkanlah kami!

**Dua:** Kita disuruh oleh agama supaya mengajarkan hukum tentang perniagaan dalam Islam serta fadhilatnya, sampai Sayidina 'Umar rd. bertanya mengapa Muslimin tidak bermula, sebab kalau mereka tidak bermula, maka mereka akan bergantung hidup kepada pihak lain. Tetapi dalam pada itu kita tidak bermula dan membuat promosi barang-barang kita dalam masjid; kita lakukan di luar masjid. Demikian pula kita berbicara tentang siasah Nabi s.a.w. dan Khulafa' Rasyidin rd. dalam masjid dan seterusnya, tetapi kita tidak berbicara tentang fadhilat parti kita dan kekejadian parti orang lain di dalamnya.

Sebagai tambahan; penulis ini meminta ahli masyarakat Islam Malaysia; tolonglah hentikan penggunaan bahasa dan istilah teknologi dalam berbicara tentang kelainan pendapat dalam politik kepartian sebagaimana yang ada sekarang. Itu bukan 'bangsanya'. Politik berparti dan parti politik adalah institusi bikinan manusia – worldly human institution – sebaliknya agama adalah *tanzil* dari Ilahi yang terkandung di dalamnya hakikat-hakikat rohaniyah dan keagamaan serta syari'at yang kekal abadi

sampai ke alam yang kekal abadi pula. Bagaimanalah hakikat-hakikat dan syari'at sedemikian itu boleh dimasukkan ke dalam sarang dan kerangka sempit, bikinan manusia, seperti politik kepartian sebagaimana yang ada sekarang ini.

Sekali lagi, saya minta, tolonglah jangan gunakan bahasa dan istilah teknologi dalam perbezaan-perbezaan pendapat politik kepartian demikian ini, demi untuk keselamatan kita semuanya. Amin!

### *Bimbingan Kerohanian*

Masjid perlu memberi bimbingan rohaniyah yang berkesan dan segar dengan input-input ilmu yang disampaikan dan amalan-amalan rohaniyah yang dilaksanakan di dalamnya; dalam sembahyang, wirid-wirid dan doa-doa, khutbah-khutbah dan nasihat-nasihat yang disampaikan, juga dalam program-program lain yang diadakan dari semasa ke semasa bagi menangani masalah-masalah rohaniyah, akhlak dn sosial yang dihadapi ummat.

### **Kesimpulan**

Marilah kita membela institusi *rabbani* ini, yang menjadi pangkalan hayat kita, jantung hati masyarakat kita, pusat kegiatan rohaniyah, pendidikan, moral, sosial dan gerak hidup kita. Pengimaranan masjid inilah yang menjadi tanda yang menjamin ke mana kita, antara lainnya, sebagaimana yang terkandung dalam ayat yang bermaksud "Hanyasanya orang yang mengimarahkan masjid-masjid itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat", dengan Nabi s.a.w. menyaksikan keimanan orang yang mengimarahkan masjid.

Dalam hidup yang mencabar ini mari kita bersama-sama membina kekuatan dan keberkesanan fungsi ini demi untuk kebaikan dunia dan akhirat kita. Wal'Lahu'alam.

ISBN 978-983-2391-44-9



9 789832 391449

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan  
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang Jalan Sultan Yahya Petra,  
15200 Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 09-7481512 Faks: 09-7485512  
Portal Rasmi: [www.e-maik.my](http://www.e-maik.my) Email: [maik@e-maik.my](mailto:maik@e-maik.my)